

LIVE-WELL® MECOMIN CAPSULE

Mecobalamin (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Live-well® Mecomin
2. Bagaimana Live-well® MECOMIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan Live-well® Mecomin
4. Cara menggunakan Live-well® Mecomin
5. Semasa menggunakan Live-well® Mecomin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well® Mecomin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Live-well® Mecomin

Live-well® Mecomin digunakan untuk merawat sakit saraf, kebas, berdenyut-denyut, rasa panas, kehilangan deria rasa dan lumpuh disebabkan oleh neuropati periferan berkaitan dengan diabetes (kerusakan saraf periferan) seperti kerusakan saraf diabetes dan polyneuritis (keradangan saraf-saraf).

Bagaimana Live-well® Mecomin berfungsi

Live-well® Mecomin mengandungi mecobalamin. Mecobalamin membaiki tisu saraf yang rosak pada mereka yang menghadapi masalah saraf seperti degenerasi sel-sel saraf (degenerasi akson) dan kerusakan lapisan penebat disekitar saraf (*demyelination*).

Mecobalamin juga terlibat dalam kematangan sel darah merah, pembahagian sel darah merah, sintesis heme, dengan itu membaiki status darah dalam megaloblastik anemia.

Sebelum menggunakan Live-well® Mecomin

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil Live-well® Mecomin jika anda hipersensitif terhadap sebarang produk yang mengandungi vitamin B12 sebagai komponennya.

- Jangan ambil Live-well® Mecomin jika anda sedang mengandung atau sedang menyusu anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Live-well® Mecomin

Sebaik-baiknya dapatkan nasihat doctor atau ahli farmasi untuk mengesahkan diagnosis.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doctor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil neomycin, aminosalicic acid, histamine H2-antagonists, dan colchicines kerana penyerapan Vitamin B12 dari saluran gastrousus mungkin dikurangkan. Konsentrasi serum mungkin akan dikurangkan jika diambil serentak dengan pil perancang.

Cara menggunakan Live-well® Mecomin

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: Pengambilan oral 1 kapsul 3 kali sehari (1500mcg mecobalamin). Dos harus disesuaikan mengikut umur dan tahap simptom.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa menelan seluruh kapsul dengan segelas air.

- Berapa lama perlu digunakan

Seperti dos yang dicadangkan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada kes terlebih dos Mecobalamin telah didokumenkan.

Semasa menggunakan Live-well® Mecomin

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil dos anda seperti yang diberikan dalam risalah ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bungkusan selepas 'EXP'. Tarikh luput ini merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

• Pemantauan darah adalah dinasihatkan.

• Jika anda mempunyai kekurangan folat, penggunaan dos yang melebihi 10mcg setiap hari mungkin menghasilkan kesan kepada penghasilan darah yang normal; penggunaan tanpa was-was mungkin akan menyembungi diagnosis yang tepat.

• Penggunaan dos besar Mecobalamin untuk jangka masa yang panjang adalah tidak digalakkan jika pekerjaan anda memerlukan pengendalian merkuri atau sebatiananya.

Kesan-kesan sampingan

Jangan risau dengan senarai kesan sampingan yang mungkin. Anda mungkin tidak akan mengalami sebarang kesan sampingan.

• **Gastrousus:** Simptom-simptom seperti anorexia, loya atau cirit-birit mungkin akan berlaku dengan tidak kerap

• **Dermatologi:** ruam kulit mungkin berlaku dengan jarang.

• **Lain-lain:** Sakit kepala, berpeluh, rasa panas dan hipersensitiviti terhadap mecobalamin atau mana-mana komponen kapsul.

LIVE-WELL[®] MECOMIN CAPSULE

Mecobalamin (500mg)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman npra.moh.gov.my (*Public*→ *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Live-well[®] Mecomin

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C.

Lindungi daripada kelembapan dan cahaya.

- Pelupusan

Produk ini tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Dua belah kapsul sayuran keras bersaiz '1', berwarna oren legap, mengandungi serbuk berwarna putih merah jambu.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Mecobalamin

- Bahan tidak aktif

- Microcrystalline Cellulose PH 101
- Dicalcium Phosphate Anhydrous
- Colloidal Silicone Dioxide
- Sodium Starch Glycollate
- Magnesium Stearate

- MAL number:

MAL06071119X

Pengilang

PAHANG PHARMACY SDN.

BHD. (10826-K)

Lot 5979, Jalan Teratai,

5 ½ Miles Off Jalan Meru,

41050 Klang,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN.

BHD. (10826-K)

Lot 5979, Jalan Teratai,

5 ½ Miles Off Jalan Meru,

41050 Klang,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/05/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)23052017/00108